

SENARIO PRISM

PENDAHULUAN

Institut Pengajian Dasar (IPS) telah melancarkan Projek Prism IPS untuk melibatkan rakyat Singapura untuk memikirkan dimensi pemerintahan yang pelbagai dan berusaha ke arah masa depan yang sama-sama diinginkan.

Persoalan utama yang memandu proses ini ialah: "Bagaimana Singapura akan memerintah dirinya pada 2022?"

Matlamat projek ini adalah untuk mengumpul pandangan orang ramai mengenai:

- Pilihan serta cabaran pemerintahan dan pelakaran dasar yang bakal dihadapi Singapura sebagai sebuah negara bandar kecil yang pesat berkembang di rantau Asia Tenggara
- Cara pemerintahan di mana prosesnya dikongsi bersama Pemerintah, rakyat, dan pemimpin sektor-sektor pelbagai dalam masyarakat

PROSES

Projek Prism IPS mengandungi tiga fasa:

Fasa Pertama (Jun–Ogos 2012)

Menerusi bengkel perbincangan, para peserta yang mewakili pelbagai kumpulan diminta mengenal pasti trend yang tidak menentu lagi mendalam dan bagaimana trend itu berinteraksi untuk membina pelbagai senario alternatif mengenai cara kita memerintah diri pada 2022. Di akhir bengkel, para peserta diminta memilih daya gerak paling munasabah lagi mencabar serta senario untuk Fasa Kedua.

Fasa Dua (Nov 2012)

Senario-senario dari Fasa Pertama akan diterjemahkan menerusi pelbagai bentuk seni dan dipentaskan kepada orang ramai di Bangunan Perpustakaan Negara mulai 8 hingga 14 November 2012. Kumpulan teater tempatan, Drama Box, akan membuat pementasan, menggunakan proses penglibatan seni sivik. Pementasan ini diharap dapat melahirkan pandangan peribadi dan kisah-kisah mengenai cara kita memerintah diri kita dalam tempoh 10 tahun mendatang. Orang ramai akan diundang untuk mengirimkan pandangan di acara tersebut, menyertai kegiatan pementasan, dan mengisi borang tinjauan. Pementasan itu juga akan disiarkan di Internet.

Fasa Ketiga (Jan 2013)

Maklum balas yang dikumpulkan melalui Fasa Kedua akan disalurkan untuk melakar sebuah peta yang menggambarkan sikap politik di Singapura. Hasilnya akan dibentangkan di Sidang Perspektif Singapura pada 21 Januari 2013.

SENARIO PRISM

Menyusuli perlaksanaan Fasa Pertama, berikut antara daya penggerak dan senario paling munasabah, lagi mencabar bagi Singapura pada 2022. (Untuk nota bengkel yang dijalankan dalam Fasa Pertama sila lihat <http://www.spp.nus.edu.sg/ips/ipsprism.aspx>.)

Daya Penggerak

Daya penggerak boleh membentuk bagaimana kita memerintah diri kita dalam tempoh 10 tahun mendatang - persoalan utama Projek Prism IPS. Pasukan Prism IPS dan para peserta telah mengenal pasti tiga daya penggerak yang mengandungi ketidaktentuan terbesar; dan yang mempunyai potensi paling tinggi untuk mempengaruhi persoalan ini.

Kredibiliti Pemerintah - Yakin atau Tidak Yakin

Daya penggerak pertama ialah pandangan awam terhadap kredibiliti pemerintah dan motifnya untuk memerintah. Di satu sudut para penduduk mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi pada pemerintah dan institusi-institusi negara, penduduk yakin bahawa Pemerintah mempunyai pengetahuan yang terbaik dan keupayaan melakukan yang terbaik untuk rakyat. Sebaliknya ialah, wujudnya rasa tidak yakin tentang kecekapan pemerintah dan ada kesangsian mengenai usaha pemerintah. Trend ini mempengaruhi kesediaan orang ramai untuk mematuhi peraturan dan dasar-dasar Pemerintah.

Takrif Kejayaan Masyarakat - Sikap kebendaan atau nilai sosial

Daya Penggerak kedua adalah sistem nilai masyarakat Singapura - bagaimana ia mendefinisikan matlamatnya, dan dengan itu kejayaannya. Biarpun masyarakat sentiasa mempunyai pandangan berbeza namun apakah pandangan paling meluas dalam pada sesuatu masa. Pandangan ini ditentukan oleh faktor-faktor sosial, ekonomi, politik dan budaya. Di satu sudut, kejayaan disamakan dengan ganjaran ekonomi dan kekayaan harta benda. Di sudut lain, kejayaan ditakrifkan oleh sejauh mana nilai-nilai sosial dan moral seperti keadilan, kesaksamaan, kebebasan dan semangat berdikari diberi keutamaan dalam masyarakat. Trend ini mempengaruhi bagaimana rakyat ingin negara ini ditadbir dan apakah pencapaian negara yang rakyat inginkan.

Pengagihan Bantuan dan Ganjaran - 'Pemenang' atau 'Yang Lain'

Pendorong ketiga ialah bagaimana atau siapakah yang layak meraih manfaat dari dasar awam dan kontrak sosial. Di satu sudut, ialah dasar menyeluruh yang menangani keimbangan dan keperluan orang ramai, membangunkan potensi semua manusia. Di sudut lain ialah satu sistem yang memberi keistimewaan kepada satu segmen penduduk - mungkin golongan elit atau mereka yang berpotensi untuk memberi sumbangan lebih penting kepada masyarakat dan negara. Hujahnya ialah, dengan menyediakan lebih banyak bantuan kepada golongan khas itu, mereka dapat merealisasikan potensi dan sekali gus menggandakan manfaatkan kepada orang ramai. Trend ini membawa kesan pada reka bentuk dan pelaksanaan belanjawan awam dan sistem insentif, serta rangka kerja peraturan bagi sektor swasta yang dikuatkuasakan oleh Pemerintah.

Senario-Senario

Senario Prism adalah kisah-kisah alternatif tentang cara kita memerintah diri kita dalam tempoh 10 tahun mendatang. Ia dibina berdasarkan tiga penggerak utama yang disebutkan di atas. Ia tidak memberi gambaran kesempurnaan atau lanskap porak peranda yang mutlak. Setiap senario boleh dilihat sebagai gandingan hasil positif dan negatif akibat interaksi daya-daya penggerak dan mungkin perubahan dalam urusan pemerintahan di Singapura menjelang 2022.

Titik permulaan atau konteks bagi semua senario ialah yang pertama, bahawa dunia menghadapi kemelesetan ekonomi sangat diganding prospek pertumbuhan rendah atau keadaan ekonomi yang tidak menentu selama bertahun-tahun akan datang. Ketidakpastian serta kesan politik dan geopolitik merupakan perkara-perkara yang pernah dihadapi negara ini. Keupayaannya untuk menyesuaikan diri dengan perkara-perkara sedemikian telah terbina sejak bertahun-tahun. Andaian di sini ialah keupayaan dalaman yang akan menentukan bagaimana negara ini akan menangani sekitaran luaran. Aspek kedua mengenai konteks senario ini ialah, terdapat banyak perbincangan di kalangan para penduduk mengenai cara negara ini ditadbir. Ketiga ialah, rakyat berpegang pada janji oleh Perdana Menteri di waktu itu, yang telah melafazkan keazaman pemerintah untuk membangunkan Singapura, sebagai sebuah kediaman yang bersemangat, dan harapan untuk membina kehidupan lebih baik untuk semua warga Singapura.



Senario pertama diberi nama "SingaStore.com". Di sini, kepercayaan rakyat kepada Pemerintah diperkuuhkan kerana Pemerintah mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan memastikan pertumbuhan itu membawa pekerjaan dengan gaji yang lebih baik untuk semua rakyat Singapura. Dari tahun ke tahun, rakyat dapat menikmati kekayaan harta benda. Demi mencapai matlamat ini, Pemerintah memperkuuhkan pengaruhnya ke atas semua agensi Pemerintah, perniagaan dan persatuan masyarakat. Ini dilakukan agar Singapura lebih mesra perniagaan dalam pelakaran dasar ekonomi dan sosial, berbanding masa-masa lalu.

Pemimpin negara bukan sahaja terdiri dari golongan cendekiawan, pegawai perkhidmatan awam dan pegawai-pegawai tentera. Ia turut mengandungi mantan nakhoda-nakhoda perniagaan yang kini mahu mencari kepuasan berbeza dengan menyertai perkhidmatan awam selepas mencapai kejayaan di sektor swasta.

Keusahawanan swasta juga dapat mekar hasil hubungan mereka dengan syarikat-syarikat besar dan syarikat-syarikat berbilang negara (MNC) yang baru muncul dalam bidang-bidang perniagaan baru, termasuk bidang di mana Pemerintah sebelum ini telah membuat pelaburan. Singapura berkembang sebagai sebuah gedung perniagaan yang

menawarkan segalanya dari teknologi mesra alam dan perubatan bagi penyakit Alzheimer's ke peralatan robot dan produk permainan 3D.

Buat julung kalinya, Singapura mencatatkan dua rekod di peringkat antarabangsa. Ia mencapai Hasil Kasar Dalam Negeri (GDP) per kapita yang tertinggi, dan Indeks Gini yang tertinggi. Perangkaan itu mencerminkan kekayaan penduduknya tetapi jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin juga tinggi. Dalam senario ini, Pemerintah menawarkan pakej bantuan kepada rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah. Bantuan diberikan menerusi skim baucar, program kongsi pertumbuhan ekonomi dan skim insurans yang memperkuatkan peranan kuasa pasaran dan bukannya mengekang kuasa tersebut. Pemerintah melaksanakan dasar fiskal yang seimbang, dengan sistem cukai pendapatan yang lebih progresif. Kenaikan pendapatan dari cukai korporat juga dianggap sebagai sesuatu yang sihat bagi sebuah ekonomi yang matang. Golongan berpendapatan tinggi rela membayar cukai lebih tinggi untuk menikmati keistimewaan yang ditawarkan di negara ini. Insentif tinggi ditawarkan kepada bidang sains, perniagaan, kreatif dan sukan, bidang-bidang yang menjanjikan kesan yang baik kepada masa depan ekonomi Singapura. Namun para pengkritik mengatakan ia seperti Singapura pada zaman 2000 yang disuntik ubat steroid

Rakyat Singapura yang bersikap pragmatik dan realistik memahami keperluan kehadiran tenaga asing di kedua-dua sudut tangga kemahiran. Sektor swasta dan badan-badan pemerintah yang diswastakan menawarkan pelbagai insentif agar penggunaan prasarana fizikal dan sosial dapat diimbangkan. Misalnya pekerjaan, riadah atau khidmat doktor dikenakan bayaran berbeza mengikut waktu-waktu yang tertentu. Terdapat juga insentif yang menggalak kelakuan mesra sosial di kalangan para dermawan - para jutawan berpeluang memilih badan kebajikan kegemaran mereka. Contohnya orang ramai boleh mengumpul markah (yang boleh ditukar kepada wang tunai) atas usaha mereka mengitar sampah atau makan lebih banyak sayuran. Nampaknya kita juga boleh membeli sebuah 'masyarakat yang baik' di negara ini.

Hakikatnya menjelang 2022, masyarakat Singapura menjadi lebih berperingkat namun masih ada kisah-kisah di peringkat flat sewa hingga ke kediaman mewah di Sentosa Cove yang menyemarakkan 'Impian Singapura'.

Singapura dalam senario ini menarik mereka yang dahagakan kejayaan ekonomi, mereka yang mahukan lebih dari wang ringgit dan mereka yang inginkan wang ringgit untuk mengecap kehidupan yang lebih baik.



Senario kedua dikenali dengan nama "SingaGives.gov". Di sini, rakyat menguatkan kepercayaan kepada Pemerintah yang baru, yang dibentuk dari bekas anggota parti Prism Project_The Prism Scenarios_110113

© Copyright 2012 National University of Singapore. All Rights Reserved. *When reproducing this material, please cite the source.*

pemerintah, Parti Tindakan Rakyat. Kepercayaan ini lahir dari tumpuan pemerintah untuk membangunkan rangka dasar yang adil dan saksama. Ini bermakna setiap rakyat berhak mendapatkan barang keperluan yang murah dan bersubsidi tinggi. Ini termasuk keperluan seperti penjagaan kesihatan, pendidikan dan perumahan. Jaringan sosial dan bantuan bagi mereka yang menganggur dan yang sudah bersara juga tinggi. Manfaat sedemikian diberikan kepada semua rakyat, tidak kira yang miskin atau yang kaya. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan membelanjakan pulangan dari pelaburan rizab negara yang lebih tinggi, berbanding masa-masa lalu.

Para pemimpin negara memberi penekanan pada nilai-nilai sosial seperti egalitarianisme, perpaduan dan pembangunan manusia berbanding nilai-nilai pasaran bebas. Para pemimpin mengkaji setiap model kontrak sosial yang mereka anggap inklusif. Ini kerana pemerintah mahukan agar proses pelakaran dasar dijalankan dengan penglibatan rakyat.

Pemerintah mengambil alih tugas menyediakan keperluan penting untuk rakyat. Ia menyifatkan langkah ini sebagai cara terbaik dan bertanggungjawab untuk membelanjakan rizab negara. Senario sedemikian tidak mustahil kerana seorang Presiden baru yang berfikiran serupa, dipilih dan beliau bersetuju untuk meluluskan rangka baru bagi penggunaan rizab.

Perubahan ekonomi menyebabkan firma-firma asing menangguh keputusan untuk membuat pelaburan di Singapura. Digandingkan dengan kemelesetan ekonomi dalam tempoh jangka panjang, trend sedemikian menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang rendah tetapi inklusif. Semua faktor-faktor pengeluaran tempatan akan digunakan dan dengan lebih produktif, pada masa yang sama Pemerintah baru turut membuat pelaburan sosial.

Namun, tidak semua penduduk yang yakin dengan aturan baru itu. Mereka mempersoalkan sama ada dasar fiskal baru ini dapat diteruskan - dan sama ada langkah ini akan membawa hasil yang diinginkan. Mereka bimbang akan adanya risiko pengurusan rizab yang kurang baik memandangkan jumlah rizab negara semakin merosot.

Pada masa yang sama, biarpun masih ada keyakinan yang lebih mendalam mengenai identiti Singapura, perpaduan rakyat merupakan sesuatu yang amat berharga dan perlu dijaga dengan berhati-hati. Ruang kepercayaan dan dasar terus memberi tidak dapat diluaskan sewenang-wenangnya. Keahlian ada keistimewaannya. Justeru mereka yang bukan ahli perlu dikecualikan, lebih-lebih lagi jika semua, termasuk warga asing yang bekerja di Singapura, wajib dilayan dengan adil dan saksama. Akibatnya, bilangan warga asing dan pendatang baru akan berkurangan kerana mereka yang menetap di Singapura akan menjadi lebih berdikari dan semakin produktif. Ia juga disebabkan tekanan politik yang bersifat populis.

Walau bagaimanapun, jika pelaburan sosial SingaGives.gov membawa angin Prism Project_The Prism Scenarios_110113
© Copyright 2012 National University of Singapore. All Rights Reserved. When reproducing this material, please cite the source.

perubahan kedua yang merancakkan ekonomi, Singapura akan mencapai satu paradigma baru. Ia merangkumi pertumbuhan ekonomi yang rendah dan inklusif yang dijana dasar kebajikan pemerintah yang lebih tinggi. Dalam senario ini, Pemerintah melaksanakan kempen besar-besaran untuk mengukuhkan satu sistem yang berpegang pada nilai tersebut kerana menurut Perdana Menteri ia bukan berkaitan ideologi tetapi sesuatu yang berasaskan etika. Kenyataan itu dibuat untuk menolak kritikan bahawa negara ini sebuah 'negara kebajikan'.



Senario ketiga dinamakan "WikiCity.sg". Ia merujuk kepada laman Internet Wikipedia, sebuah penerbitan dalam talian yang tidak mempunyai ketua pengarang dan oleh itu tidak mempunyai kawalan kuasa pusat. Namun ia digerakkan dan dikawal para penggunanya sendiri - iaitu rakyat jelata.

Inilah keadaan Singapura selepas berlakunya pergolakan politik yang muncul dari pengalaman berzaman di bawah pemerintahan di mana para pemimpinnya terpisah dari keinginan dan aspirasi rakyat. Ia sebuah Pemerintah yang tidak cekap dan tidak berupaya. Berita paling hangat dalam dekad itu ialah "Biro Pencegah Amalan Rasuah (CPIB) terima rasuah". Rakyat hilang kepercayaan pada pemerintah justeru rakyat dalam senario Wikicity.sg enggan membenarkan Pemerintah mengawal, mengurus atau mengatur kehidupan mereka.

Sebuah Pemerintah campuran dipilih namun ia sering kali gagal membentangkan sebarang dasar yang boleh diterima semua pihak. Ini menyebabkan rakyat bertambah rasa kurang percaya kepada pemerintah tersebut.

Di bawah senario ini, konsensus politik yang luas adalah: Pemerintah bertanggungjawab menjaga hubungan luar, hubungan perdagangan, mengekalkan undang-undang dan keamanan. Perkara yang membebankan penduduk seperti cukai dan peraturan dilaksanakan dengan 'sentuhan lembut'. Pengkritik memanggil negara ini sebagai sebuah "negera donat" atau negara yang tiada kuasa pusat.

Dalam sekitaran di mana Pemerintahnya tidak dipercayai, para penduduk beralih kepada sistem bantu diri di peringkat masyarakat seperti masyarakat perniagaan, pekerjaan, keagamaan, kampung halaman, kegiatan riadah dan keperluan sosial lain. Keinginan menjadi ahli dalam masyarakat-masyarakat sedemikian diharap dapat memberi para penduduk makna dalam kehidupan masing-masing serta ia juga menyediakan keperluan praktikal. Tahap kepercayaan dalam masyarakat-masyarakat ini amat tinggi, anggotanya mempunyai rangkaian yang kukuh dan pulangan sosialnya juga tinggi. Masyarakat-masyarakat sedemikian menubuhkan pertubuhan – seperti penyedia khidmat lima bintang yang mementingkan keuntungan, perusahaan sosial dan

khidmat percuma seperti hospital amal. Usaha ini dilakukan untuk memenuhi keperluan anggota masyarakat masing-masing dan juga orang ramai. Ia sebuah 'dunia Groupon' rujukan kepada kegiatan membeli secara sekumpulan menerusi Internet untuk meraih penjimatan ekonomi. Juga menjadi kelaziman ialah kegiatan bertukar barang secara berkumpulan dan banyak lagi inovasi sosial yang dihasilkan oleh perkembangan teknologi maklumat.

Inilah sekitaran di mana para penduduknya mentadbirkan diri mereka berlandaskan peraturan undang-undang yang minimum. Siapa sangka, pelaburan dalam pendidikan, peningkatan kemahiran dan asas pemerintahan berdisiplin Parti Tindakan Rakyat di masa lalu, telah menghasilkan watan yang berupaya memerintah diri sendiri?

Individu nilai tinggi dari diaspora Singapura di merata dunia kembali ke tanah air mereka untuk membuat pelaburan dalam perusahaan yang berpotensi tinggi. Mereka tertarik dengan pelaburan dalam inovasi teknologi; dan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Mereka juga tertarik dengan peluang-peluang pengeluaran yang terbuka, memandangkan syarikat berbilang negara tradisional telah berpindah dari negara ini semasa berlakunya peralihan politik.

Keupayaan mengubah sesuatu yang buruk menjadi sesuatu yang indah merupakan satu kebanggaan warga Wikicity.sg. Mereka berpeluang melahirkan identiti, keinginan dan potensi masing-masing. Inilah sebuah bandar yang mempunyai modal usaha niaga dan masyarakat bersemangat usaha niaga. Kata orang, ia sebuah bandar yang menentukan nasib yang lebih menarik untuk dirinya sendiri. Para pengkritik pula mempersoalkan sama ada keadaan sedemikian dapat diteruskan. Apakah Wikicity.sg akan dibelenggu kesederhanaan dan perbalahan sesama sendiri dalam sebuah sekitaran tanpa Pemerintah yang kuat. Adakah ia sekadar koleksi bandar bertembok dan berpuak-puak. Jika begitu adakah ia sebuah negara? Atau adakah persaingan akan menghasilkan inovasi? Apa yang indah mengenai sekitaran ini ialah, semua pandangan dialu-alukan.

Table 1. Ringkasan Senario

 SingaStore.com	 SingaGives.gov	 WikiCity.sg
Senario Mesra Singapura	Senario Mesra Rakyat Singapura	Senario Pro-Aktif
<p>Orang ramai memberi kepercayaan kepada pemerintah yang mesra-perniagaan kerana ia mengutamakan pertumbuhan ekonomi dan memastikan pekerjaan dan gaji lebih baik untuk rakyat Singapura.</p> <p>Pemerintah mengatur perniagaan, pekerja dan pertubuhan masyarakat</p> <p>Pemerintah berikan sokongan kuat kepada bidang sains, perniagaan, kreatif dan sukan, bidang-bidang yang menjanjikan pulangan tertinggi kepada masa depan ekonomi negara dan pekerjaan yang baik untuk semua.</p> <p>Syarikat besar, syarikat berbilang negara dan firma dalam bidang teknologi baru menjana pertumbuhan.</p>	<p>Orang ramai memberi kepercayaan kepada sebuah pemerintah baru yang mengutamakan rangka dasar keadilan yang menggalak nilai-nilai sosial seperti kesaksamaan, perpaduan dan pembangunan manusia.</p> <p>Pemerintah mengambil alih tugas menawarkan keperluan penting dengan membelanjakan rizab negara. Rizab juga digunakan untuk membiayai sokongan sosial dan khidmat awam. Presiden baru menyokong dasar menggunakan rizab Negara.</p> <p>Perniagaan asing tangguhkan keputusan untuk melabur di Singapura.</p>	<p>Sebuah pemerintah campuran dipilih tetapi rakyat kurang percaya pada pemerintah ini; tiada pemerintahan pusat yang berkuasa; ia terdiri dari masyarakat yang bergerak sendiri dan mengawal diri sendiri.</p> <p>Konsensus meluas, pemerintah beri tumpuan kepada perdagangan dan hubungan luar, serta memastikan keamanan negara.</p> <p>Syarikat berbilang negara meninggalkan Singapura disebalik peralihan politik ini.</p> <p>Individu nilai tinggi dari diaspora Singapura di merata dunia kembali ke tanah air mereka untuk membuat pelaburan dalam perusahaan yang berpotensi tinggi dan tertarik oleh peluang yang ditinggalkan syarikat-syarikat berbilang negara.</p>

<p>Khidmat ditujukan kepada mereka yang berada, kunci menjadi sebuah bandar global. Sokongan sosial disediakan kepada golongan miskin menerusi skim baucar negara dan insurans.</p>	<p>Khidmat ditujukan kepada membangunkan semua potensi manusia. Mutu khidmat bertaraf dunia dan rakyat menikmati subsidi yang tinggi bagi khidmat tersebut. Warga asing di sini dikenakan bayaran tetapi menikmati sebahagian manfaat tersebut.</p>	<p>Masyarakat menyediakan khidmat yang mengaup keuntungan serta khidmat percuma seperti hospital amal untuk memenuhi keperluan anggota masyarakat dan orang ramai. Ia bandar modal usaha niaga dan masyarakat usaha niaga.</p>
<p>Pertumbuhan ekonomi amat pesat. Cukai pendapatan lebih progresif dan pendapatan dari cukai adalah baik. Singapura mencapai GDP per kapita yang tertinggi dan Indeks Gini yang tertinggi – mencerminkan kekayaan dan jurang pendapatan yang tinggi.</p>	<p>Pertumbuhan ekonomi rendah tetapi lebih inklusif. Faktor pengeluaran negara digunakan secara inovatif tetapi tumpuannya kepada sektor perkhidmatan seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan, dan ia bergantung kepada peningkatan daya penghasilan.</p>	<p>Negara mempunyai beban cukai dan peraturan yang rendah. Kata pengkritik ini ‘negara donat’. Namun potensi ekonomi amat tinggi biarpun ia sering berubah.</p>
<p>Masyarakat semakin berperingkat biarpun masih masih ada kisah-kisah di flat sewa dan rumah mewah di Sentosa Cove yang mengekalkan ‘Impian Singapura’. Dari sudut sosial bolehkah SingaStore.com dapat diteruskan? Bagaimanakah cara memberi rakyat harapan kehidupan mereka akan menjadi lebih baik?</p>	<p>Andainya pelaburan sosial membawa angin perubahan yang merancakkan ekonomi, negara akan mencapai paradigma baru – pertumbuhan rendah tetapi lebih bermutu yang dijana dasar kebijakan. Namun bagaimana jika ekonomi tidak dapat disemarak? Bolehkan SingaGives.gov mampu bertahan? Dengan rizab negara yang semakin merosot, apakah risiko yang bakal dihadapi negara sebegini?</p>	<p>Ia seakan koleksi bandar-bandar bertembok dan berpuak-puak bukannya sebuah negara yang bersatu. Mampukah WikiCity.sg bertahan? Adakah ia akan dibelenggu kesederhanaan dan perbalahan sesama sendiri atau ia akan menghasilkan inovasi dan penyesuaian khususnya dalam mempertahankan kedaulatan negara?</p>

The IPS Prism Team is grateful to Mr Adli Yashir, Berita Harian for translating the original text into Malay.